

# Pertandingan memancing sempena Pesta Konvo UMP

UTUSAN MALAYSIA 2 NOV 2016 (DALAM NEGERI) m/s 28

**KUANTAN 1 Nov.** - Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Utusan Melayu (M) Berhad (Utusan Melayu) akan menganjurkan Pertandingan Memancing Terbuka Expoconvo 2016 sempena Majlis Konvokesyen Ke-11 universiti itu di Tasik UMP, Pekan dekat sini pada 12 November ini.

Eksekutif Pengurusan Jenama Unit Pengurusan Jenama Utusan Melayu, Mohd. Hazwan Hairul berkata, pertandingan yang bermula dari pukul 8.30 pagi sehingga 12.30 tengah hari itu dijangka disertai seramai 500 peserta.

“Yuran pendaftaran sebanyak RM40 dikenakan untuk sebatang joran dan 300 peserta terawal akan menerima baju T. Peserta yang berminat perlu hadir ke Tasik UMP bermula 10 November ini dari pukul 10 pagi hingga 9 malam untuk pendaf-

taran pertandingan memancing yang julung-julung kali diadakan,” katanya di sini hari ini.

Menurut Mohd. Hazwan, pemenang tempat pertama akan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM6,000, tempat kedua (RM3,000) dan RM1,000 untuk tempat ketiga.

“Pemenang tempat keempat hingga ke-10 akan menerima wang tunai sebanyak RM200, tempat ke-11 hingga ke-20 (RM100), tempat ke-21 hingga ke-30 (RM50) dan tempat ke-31 hingga ke-40 (RM30).

“Sebanyak 30 cabutan bertuah juga menanti peserta dengan pelbagai hadiah berupa barangan elektrik dan peralatan memancing disediakan,” katanya.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh menghubungi urus setia pertandingan di talian 013-2667011 atau 013-3052811.